

05 JAN 2003

Rumah

RM100 JUTA BINA RUMAH UNTUK GOLONGAN MISKIN PUNYAI TANAH

SUNGAI PETANI, 5 Jan (Bernama) -- Kerajaan menyediakan peruntukan RM100 juta di bawah Dana Khas Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah bagi golongan miskin yang mempunyai tanah tetapi tidak mampu membina rumah.

Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pihaknya menasaskan sebanyak 2,500 unit rumah dibina di seluruh negara sepanjang tahun ini.

"Rumah itu akan dibina dalam dua saiz iaitu 1,000 kaki persegi dan 700 kaki persegi yang masing-masing mempunyai tiga bilik serta dua bilik air," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian pecah tanah projek perumahan mampu milik di Semeling, dekat sini.

Majlis itu disempurnakan oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Ahmad Zahid berkata rumah bersaiz 1,000 kaki persegi menelan belanja RM40,000 dan dijual dengan harga RM26,400 manakala bagi 700 kaki persegi, kosnya ialah RM28,000 dan dijual dengan harga RM18,840.

Beliau berkata pembeli diberi kemudahan bayaran balik selama 22 tahun iaitu RM100 sebulan bagi 1,000 kaki persegi dan RM70 untuk rumah bersaiz 700 kaki persegi.

Projek perintis itu dijalankan di Terengganu pada Ogos tahun lepas melibatkan 200 unit rumah yang penyerahan kunci disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"SPNB akan membina rumah seperti itu di Kedah diikuti negeri-negeri lain. Kerajaan negeri Kedah diminta mengenal pasti calon yang layak bagi SPNB menentukan berapa jumlah rumah yang akan dibina," katanya.

Ahmad Zahid berkata langkah ini diambil kerana kerajaan menyedari wujudnya golongan miskin yang tidak mampu membina rumah tetapi mempunyai tanah yang kebanyakannya diwarisi daripada keluarga.

Sementara itu, projek perumahan mampu milik di Semeling melibatkan pembinaan 250 unit rumah teres kos sederhana rendah dan 530 unit rumah teres kos rendah serta 19 unit rumah kedai kos rendah.

Rumah teres kos sederhana rendah dijual dengan harga RM55,000 diikuti RM35,000 untuk kos rendah dan RM110,000 untuk rumah kedai.

-- BERNAMA

IAW MAN NAK